



Akademi Bateriku Sdn. Bhd.

No.15, Jalan Saujana Indah 10, Taman Perindustrian
Saujana Indah, TTDI Jaya, 40150 Shah Alam, Selangor

Kepada,
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Kolaborasi Industri Dan Komuniti,
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti,
Kementerian Pendidikan Tinggi,
Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya

12.Aug.2025

PERMOHONAN PENEMPATAN PELAJAR UNTUK LATIHAN INDUSTRI DI AKADEMI BATERIKU & BATERIKU (M) SDN. BHD

Tuan/Puan,

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Akademi Bateriku Sdn. Bhd. Dibawah Syarikat Bateriku (M) Sdn.Bhd, Selaku penyedia latihan teknikal dan vokasional dalam bidang automotif serta perkhidmatan bantuan jalanan (roadside assistance), ingin menawarkan tempat Latihan Industri kepada pelajar dari institusi tuan/puan.
3. Tawaran ini bertujuan memberi pendedahan praktikal kepada pelajar dalam bidang berikut:
 - Pemeriksaan dan penukaran bateri kenderaan secara profesional
 - Diagnosis asas sistem elektrik automotif & penyelenggaraan (BGarage)
 - Diagnosis sistem Hybrid & kenderaan elektrik (BGarage EV& Hybrid)
 - Pengurusan operasi pitstop dan bantuan kecemasan jalan raya
 - Penggunaan alat diagnostik asas (Multimeter, OBD Scanner, dsb.)
 - Khidmat pelanggan dan komunikasi teknikal
 - Peluang mendalami tekno-usahawan Bateriku
4. Tempoh latihan industri (LI) mengikut keperluan institusi latihan yang tentukan mengikut kesesuaian.

Lokasi : Akademi Bateriku & Bateriku HQ atau cawangan yang terpilih mengikut kesesuaian di seratakan Malaysia.

5. **Latihan Industri (LI)** untuk pelajar-pelajar tahun ini dan pelajar yang akan datang bagi **tahun 2025-2027**.



6. Pihak kami akan menyediakan:

- Penempatan latihan dengan penyeliaan berkala
- Pendedahan kepada SOP sebenar industri
- Peluang penilaian bagi pelajar cemerlang untuk diserap sebagai pekerja selepas tamat latihan (Job Gerenti)
- Sijil tamat latihan industry
- Elaun latihan industri Seribu ringgit **(RM1,000.00)** akan diberikan
- Penginapan disediakan kepada yang jauh

7. Kami amat mengalu-alukan kerjasama pihak tuan/puan dan berharap agar proses penempatan ini dapat dijalankan dalam masa terdekat. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Mohd Shafiq Zainul

Penyelaras Latihan Industri

Tel: 018-2849008 Email: Shafiq.zainul@bateriku.com

8. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak tuan/puan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

nasrilmokhtar

Pengurus Jabatan Latihan
Akademi Bateriku Sdn.Bhd
Tel: 011-33392901